

02/03/2003

Lebih 300 sertai pertandingan memancing

LANGKAWI: Lebih 300 peserta menyertai pertandingan memancing anjuran MK Land dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian di tambak Pelabuhan Langkasuka di sini, semalam.

Pertandingan sempena pembukaan Langkawi Lagoon Resort milik Kumpulan MK

Land itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kira-

kira jam 9 pagi.

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut meluangkan masa setengah jam untuk sama-sama memancing.

Hadir sama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri

Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pengerusi Kumpulan MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal.

Turut sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Talib, Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee dan Penolong Pengarang Berita Harian/Berita Minggu (Projek Khas), Hafifi Hafidz.

Kehadiran Perdana Menteri dan isteri disambut meriah oleh peserta serta penduduk sekitar.

Perdana Menteri juga disambut dengan perbarisan pasukan unit beruniform yang terdiri daripada pelajar sekolah di pulau ini serta kumpulan senaman tai chi daripada warga emas pelbagai kaum.

Dr Siti Hasmah turut meluangkan masa kira-kira 10 minit untuk bermesra dengan kanak-kanak tadika yang turut berbaris menyambut kedatangan beliau.